



KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

PERMOHONAN MAAF DAN PENJELASAN LHDNM MENGENAI SURAT TUNGGAKAN CUKAI KEPADA SI MATI YANG SEBENARNYA MASIH HIDUP

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin menarik perhatian orang ramai mengenai surat tunggakan cukai yang dihantar oleh LHDNM kepada seorang pembayar cukai yang dikatakan sudah meninggal dunia dan menjadi tular di media sosial beberapa hari kebelakangan ini.

Dua isu utama yang telah dibangkitkan melalui *posting facebook* beliau iaitu:

1. Kesilapan LHDNM meletakkan status pembayar cukai yang masih hidup kepada status telah meninggal dunia dan kemudian telah menuntut baki cukai tertunggak daripada waris sah pembayar cukai.
2. Pembayar cukai menyatakan bahawa beliau tidak mempunyai apa-apa cukai tertunggak dengan LHDNM.

Bagi isu yang pertama, LHDNM ingin mengakui telah berlaku kesilapan data borang dan kecuai dalam menentukan status pembayar cukai. Melalui semakan lanjut yang dibuat, didapati pembayar cukai masih hidup. LHDNM memohon maaf kepada pembayar cukai tersebut atas kesilapan yang berlaku. Surat permohonan maaf akan dihantar kepada pembayar cukai tersebut dan tindakan yang bersesuaian juga akan diambil bagi mengelakkan kesilapan sebegini berulang pada masa hadapan demi menjaga nama baik LHDNM sebagai pentadbir cukai langsung negara.

Namun demikian, di kesempatan ini, LHDNM turut ingin menjelaskan kepada orang ramai bahawa, LHDNM sememangnya mempunyai kuasa menurut Seksyen 74 dan Seksyen 106 Akta Cukai Pendapatan 1967 untuk membuat tuntutan baki cukai tertunggak daripada wasi atau pentadbir harta pusaka (yang juga berkemungkinan dalam kalangan waris sah) mana-mana individu yang meninggal dunia (si mati). Tuntutan baki cukai tertunggak daripada wasi atau pentadbir harta pusaka ini akan dibuat ke atas mana-mana aset (harta pusaka) si mati. Justeru, wasi atau pentadbir harta pusaka hendaklah memastikan bahawa si mati tidak mempunyai sebarang tunggakan cukai pendapatan dengan LHDNM sebelum harta pusaka si mati diagihkan kepada mana-mana waris sah si mati. Sekiranya wasi atau pentadbir harta pusaka telah mengagihkan aset si mati kepada waris sah tanpa menjelaskan tunggakan cukai si mati, LHDNM tetap boleh menuntut baki cukai tertunggak tersebut melalui tindakan guaman sivil terhadap wasi atau pentadbir harta pusaka si mati.

Bagi membantu wasi atau pentadbir harta pusaka si mati yang tidak mempunyai kemampuan untuk membayar tunggakan cukai si mati yang ada secara sekaligus, LHDNM menasihatkan wasi atau pentadbir harta pusaka si mati untuk mengunjungi Pejabat LHDNM bagi perbincangan bayaran secara ansuran. Secara terperinci, layanan cukai pendapatan bagi setiap individu yang telah meninggal dunia adalah seperti berikut:

A. Layanan Cukai Pendapatan Individu Yang Meninggal Dunia

Bagi individu yang meninggal dunia, taksiran cukai akan dibuat untuk pendapatan yang diterima sehingga tarikh kematian individu tersebut.

- i. Pendapatan seorang individu sehingga tarikh kematian akan dikenakan cukai sebagai pendapatan individu berkenaan, walaupun taksiran akan dibuat di atas nama wakil sah.

Contoh:

Dalam tahun 2015, A meninggal dunia pada 1.6.2015. Oleh itu, pendapatan yang diterima mulai 1.1.2015 sehingga 31.05.2015 akan ditaksir sebagai pendapatan si mati A dalam tahun 2015. Taksiran akan dibuat atas nama wakil sah si mati A.

- ii. Apa - apa pendapatan yang diperoleh selepas tarikh kematian tidak akan dianggap pendapatan si mati. Semua pendapatan selepas tarikh kematian akan dianggap sebagai pendapatan harta pusaka individu yang meninggal (Si Mati) dan ditaksir atas nama Wasi atau Pentadbir Harta Pusaka. Satu fail baru akan didaftarkan untuk tujuan menaksir pendapatan harta pusaka si mati.
- iii. Kadar cukai yang dikenakan ke atas Pentadbir harta pusaka atau Wasi adalah sama dengan kadar cukai yang dikenakan ke atas individu.

Wasi atau pentadbir harta pusaka wajib melaporkan pendapatan harta pusaka si mati di bawah pentadbirannya dengan menggunakan Borang Nyata Cukai Pendapatan untuk harta pusaka iaitu Borang TP.

B. Layanan Terhadap Baki Cukai Si Mati

1. Lebihan Kredit Cukai

Sekiranya si mati mempunyai lebihan kredit, wasi atau pentadbir harta pusaka (yang juga berkemungkinan dalam kalangan waris sah) si mati boleh menuntut bayaran balik ke atas lebihan kredit tersebut dengan membawa dokumen di bawah:-

- a) Sijil Kematian
- b) Salinan Surat Pentadbir Harta Pesaka (*Grant of probate*) yang diakui sah sama ada oleh Pesuruhjaya Sumpah, Majistret Mahkamah atau kakitangan kerajaan dalam kategori A.
- c) Bagi kes pembayaran balik kepada waris atau pentadbir, nama waris atau pentadbir diikuti dengan nama harta pusaka hendaklah dinyatakan.
- d) Jika terdapat lebih dari satu pentadbir harta pusaka bayaran balik akan dibuat atas satu nama pentadbir sahaja.
- e) Jika pembayar cukai tidak mempunyai harta, Surat Akuan Sumpah (Borang Am 80) yang ditandatangani oleh Pesuruhjaya Sumpah atau Majistret Mahkamah boleh diterima.
- f) Jika pembayar cukai tidak bermastautin telah meninggal dunia, surat akuan mestilah ditandatangani di hadapan *Notary Public*.

Bayaran balik akan diproses apabila semua taksiran telah dibangkitkan dengan teratur.

2. Tunggakan Cukai

Cukai tertunggak wujud apabila baki cukai gagal dibayar dalam tahun semasa sehingga melangkaui ke tahun taksiran berikutnya. Sekiranya si mati mempunyai tunggakan cukai, Wasi atau pentadbir harta pusaka (yang juga berkemungkinan dalam kalangan waris sah) bertanggungjawab untuk menyelesaikan tunggakan tersebut daripada harta pusaka si mati. Kuasa menuntut cukai tertunggak si mati daripada Wasi atau pentadbir harta pusaka adalah termaktub di bawah Seksyen 74 dan Seksyen 106 Akta Cukai Pendapatan 1967. Jika Wasi atau pentadbir harta pusaka si mati tidak mampu untuk menyelesaikan baki cukai tersebut secara sekaligus, aturan bayaran boleh dilakukan secara budi bicara.

Bagi isu yang kedua pula, LHDNM masih di peringkat semakan baki cukai bagi menentukan sama ada pembayar cukai berkenaan masih mempunyai tunggakan seperti yang dinyatakan dalam surat tersebut atau sebaliknya. Pihak LHDNM akan mengemaskini kedudukan cukai beliau setelah semakan terperinci dilakukan.

Untuk pertanyaan lanjut sebarang kemusykilan, keraguan atau pertikaian berhubung layanan cukai terhadap pembayar cukai yang telah meninggal dunia, wasi atau pentadbir harta pusaka digalakkan untuk menghubungi talian khidmat pelanggan HASiL di 1-800-88-5436 atau penaksir di cawangan LHDNM yang berhampiran untuk mendapatkan khidmat nasihat yang sewajarnya.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 | 📠 : 03-8313 7873
Hasil Care Line : 1-800-88-5436 (LHDN)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 28 Julai 2017.